

Sejak kebelakangan ini, kemalangan jalan raya semakin meningkat. Apakah faktor yang menyebabkan kemalangan ini? Cadangkan langkah-langkah yang berkesan untuk mengatasinya. Tulis pendapat anda.

Pembetulan

Kemalangan jalan raya merupakan suatu tragedi yang mengancam nyawa manusia. Setiap hari, kita **pernah**¹ mendengar dan menyaksikan kejadian kemalangan jalan raya. Semakin canggih dan moden ciptaan dalam bidang **otomobil**², semakin keraplah kemalangan jalan raya berlaku. Keadaan ini menyebabkan kadar kematian **dalam**³ kemalangan jalan raya meningkat **daripada**⁴ tahun demi tahun, terutamanya dalam musim perayaan. **Ini kerana**⁵ masyarakat berlumba-lumba untuk membeli-belah dan balik ke kampung masing-masing.

Pada pendapat saya, pemandu menjadi punca perdana terjadinya kemalangan, terutamanya pemandu yang cuai atau berada **di dalam**⁶ keadaan mabuk. Akibatnya, sesuatu kemalangan tidak dapat dikawal dan menyebabkan **lain-lain pengguna**⁷ akan menjadi mangsa. Pemandu yang tidak sabar juga menyebabkan kemalangan kerana mereka memandu mengikut emosi. Terutamanya semasa berlakunya kesesakan jalan raya yang teruk. Seterusnya, terdapat **segelintir pemandu-pemandu**⁸ yang menganggap diri mereka sebagai jaguh di jalan raya. Mereka mengadakan perlumbaan motosikal **di waktu**⁹ tengah malam. Mereka berasa bangga kerana dapat memotong kenderaan lain tanpa memikirkan soal keselamatan di jalan raya. Adakah mereka ini tidak mengenal erti maut **?**¹⁰ Oleh itu, jika ramai pemandu yang bersikap sedemikian rupa maka, kemalangan sudah menjadi salah satu punca kematian bagi golongan muda.

Faktor kedua **adalah**¹¹ keadaan fizikal jalan raya itu sendiri. Jalan raya yang sempit, berlubang-lubang, licin, dan banyak selekoh **tajam**¹² memudahkan kemalangan berlaku, terutamanya jalan yang menghalang penglihatan pemandu. Biasanya hal ini paling banyak berlaku di jalan yang mempunyai selekoh **merbahaya**¹³. Jalan yang sempit juga tidak dapat **menampung**¹⁴ bilangan kenderaan yang banyak pada masa-masa tertentu, terutamanya kenderaan yang membawa muatan berat. Keadaan ini menyebabkan kesesakan lalu lintas. Keadaan jalan yang berlubang-lubang menyebabkan pemandu sukar untuk mengawal kenderaan yang dipandunya. Oleh itu, jelaslah kepada kita **yang**¹⁵ keadaan fizikal jalan raya menyebabkan terjadinya nahas jalan raya.

Selain daripada itu¹⁶, keadaan cuaca yang buruk dan haiwan peliharaan yang tidak dikawal dengan baik dapat menyebabkan kemalangan. Pada musim hujan, kemalangan akan berlaku jika air hujan turun dengan lebat. **Hal ini demikian kerana pemandu kurang jelas penglihatan untuk memandu kerana penglihatan mereka terhalang oleh air hujan.**¹⁷ Hujan yang lebat menyebabkan jalan licin. Hal ini **boleh**¹⁸ menyebabkan kenderaan **terpesong**¹⁹ ke arah lain. Di kampung, haiwan ternakan yang tidak terjaga dapat menyebabkan kemalangan. Binatang yang tiba-tiba melintas di jalan raya akan menyebabkan pemandu hilang kawalan. Keadaan ini menyebabkan pemandu yang tidak **hati-hati**²⁰ terlibat dalam kemalangan.

Oleh itu, kerajaan telah mengadakan **pelbagai kempen-kempen**²¹ untuk menangani masalah ini. Antaranya, "Pandu Cermat Jiwa Selamat". **Berbagai**²² cogan kata telah digunakan untuk mengatasi masalah ini. **Apa yang dapat**²³ **diperhatikan oleh kita**²⁴ di tepi-tepi jalan raya ialah cogan kata berbentuk nasihat dan isyarat jalan raya yang dapat mengelakkan kemalangan. Antara cogan kata yang digunakan ialah "Berhati-hati di Jalan Raya", "Selekoh Bahaya", "Berhenti", "Simpang Empat" dan "Kawasan Angin Lintang". Dengan ini, pengguna akan sentiasa berhati-hati apabila menghampiri sesuatu kawasan yang telah diberikan amaran.

Seterusnya, pihak sekolah dan pihak-pihak berkuasa seharusnya memainkan peranan penting untuk **memberi**²⁵ kesedaran kepada para pelajar atau pengguna jalan raya tentang keselamatan jalan raya. **Setiap buah sekolah**²⁶ perlu menganjurkan ceramah kesedaran tentang keselamatan jalan raya. Langkah ini bertujuan memberikan kesedaran dan motivasi kepada anak-anak atau pengguna-pengguna lain supaya lebih berhati-hati di jalan raya. **Hal ini kerana**²⁷ melentur buluh biarlah dari rebungunya. Oleh itu, kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Pelajaran diharapkan dapat mengurangkan statistik kemalangan yang melibatkan golongan remaja.

Perlumbaan haram yang menjadi-jadi wajar dibanteras dan disekat. Denda dan hukuman yang berat wajar dikenakan **ke atas**²⁸ pelumba haram malah penontonnya juga. Pihak polis dan JPJ perlu sering mengadakan sekatan jalan raya untuk mengesan pemandu yang bermasalah seperti pengambilan alkohol dan dadah. Sementara itu, bagi jalan yang berlubang-lubang pula, pihak Jabatan Kerja Raya perlulah mengambil tindakan untuk menampal, **memperbaiki**²⁹ jalan tersebut ataupun membina jalan baharu. Oleh itu, kemalangan dapat dikurangkan di samping mengurangkan masalah kesesakan jalan raya.

Kesimpulannya, kecelakaan jalan raya merupakan tragedi yang dapat **mengorbankan banyak nyawa**³⁰ dan memusnahkan harta benda. Oleh itu, semua pihak haruslah **mengganding**³¹ bahu dan **berkerjasama**³² agar dapat mengurangkan kadar kemalangan ke tahap sifar. Jangan biarkan orang yang kita sayangi tunggu dalam tangisan.

1. sering
2. automobil
3. akibat
4. dari
5. Hal ini demikian kerana
6. dalam
7. pengguna lain-lain
8. segelintir pemandu
9. pada waktu
10. ?
11. ialah
12. berbahaya
13. berbahaya
14. menampung
15. bahawa
16. Selain itu,
17. Hal ini disebabkan oleh penglihatan pemandu yang tidak jelas akibat air hujan yang lebat.
18. dapat
19. terbabas
20. berhati-hati
21. pelbagai kempen
22. Berbagai-bagai
23. Cogan kata yang dapat
24. kita perhatikan
25. memberikan
26. Setiap sekolah
27. Hal ini demikian kerana
28. kepada
29. memperbaiki/ membaik
30. mengorbankan nyawa yang banyak
31. berganding
32. bekerjasama